

DIAN BAHASA

JILID 2



Susunan dan Suntingan oleh

Mohamed Noh Daipi
Pengarah Pusat

Dr Fadilah Isnin
Pengetua Guru Pakar



Ministry of Education
SINGAPORE



Cetakan Mac 2020

Hak cipta terpelihara ©2020 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-14-4879-9

Diterbitkan oleh:
Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura



Dicetak oleh:
HoBee Print Pte Ltd
www.hobeeprint.com

KANDUNGAN

- 6 **Sekapur Sirih**
Mohamed Noh Daipi
Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura
- 8 **Kertas 1**
Mohamed Noh Daipi
Tekad Sedekad: Menyusun Langkah, Membina Kecemerlangan
- 27 **Kertas 2**
Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim
Pengimbuhan Dalam Bahasa Melayu:
Gejala Pengulangan Kali Kedua
- 58 **Kertas 3**
Profesor Datuk Dr Awang Sariyan
Sumbangan Manuskrip Melayu Lama Kepada
Peradaban Bangsa: Catatan Berdasarkan Beberapa Teks
- 89 **Kertas 4**
Profesor Madya Dr Indirawati Zahid
Pengajaran dan Pembelajaran Sinonim
Dalam Bahasa Melayu
- 114 **Kertas 5**
Profesor Madya Dr Dahlia Janan
Pendekatan Pengajaran Bahasa Melayu
Sebagai Bahasa Asing
- 124 **Kertas 6**
Profesor Madya Dr Norliza Jamaluddin
Kepelbagaian Pendekatan Pengajaran Tatabahasa



- 140 **Kertas 7**
Mohamed Noh Daipi dan Dr Fadilah Isnin
Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Karangan
Berdasarkan Gambar Bersiri Dalam Kurikulum
Pendidikan Sekolah Rendah di Singapura
- 166 **Kertas 8**
Rahmat Subadah
Keseronokan Dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa
Melayu Menggunakan Aplikasi Bitara Kata: Pengalaman
Singapura
- 187 **Kertas 9**
Muhamad Rafi Abu Bakar
Menyemarakkan Keseronokan Pembelajaran
Melalui Aplikasi Legenda Singapura
- 206 **Kertas 10**
Siti Faridah Omar
Pintar Baca: Mengayakan Pembacaan Murid
Melalui Cerita Asal Usul Nama Tempat di Singapura
- 232 **Biodata**
- 242 **Penghargaan**



Dian

DIAN mencerminkan aspirasi dan wawasan kita sebagai guru bahasa Melayu. Gagasan **DIAN** mewakili daya kita untuk menajamkan akal fikiran menerusi bacaan dan kajian serta mengukuh ikhtiar kita untuk meluaskan dan mendalami **ilmu**, meningkatkan kemahiran demi membina keupayaan sebagai guru Bahasa Melayu yang berkesan dan cemerlang. Daya dan ilmu inilah yang membentengi **aspirasi** kita yang andal untuk terus melestari dan membangun bahasa, budaya, peradaban dan kesusasteraan Melayu berasaskan **nilai-nilai** agama, kemanusiaan, masyarakat dan negara.



Sekapur Sirih



Mohamed Noh Daipi
Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura



Penerbitan **DIAN BAHASA JILID 2** merupakan usaha yang berterusan Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura untuk menyediakan wadah rujukan berkaitan bahasa, pedagogi, sejarah dan yang berkaitan dengan teknologi. Dalam usia Pusat Bahasa Melayu sedekad ini, Dian Bahasa terus menyediakan ruang untuk para ilmuwan, Guru Pakar dan ketua guru untuk menyumbangkan hasil kajian yang dijalankan bagi memperbaiki pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di bilik darjah.

Dian Bahasa Jilid 2 ini memuatkan 10 makalah sumbangan para pegawai MLCS dan rakan akrab MLCS dari Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Malaya. Mohamed Noh Daipi menyingkap usaha sedekad yang dilaksanakan oleh MLCS bagi meningkatkan pembangunan profesional para guru Bahasa Melayu di Singapura. Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim menghuraikan pengimbuhan dalam bahasa Melayu yang mengalami gejala pengulangan iaitu kehadiran proses pengimbuhan lebih daripada satu kali bagi kata dasar yang sama. Profesor Datuk Dr Awang Sariyan membincangkan sumbangan manuskrip Melayu lama bagi peradaban bangsa. Beliau menjelaskan terdapat lebih 20,000 buah manuskrip Melayu lama yang bertebaran di pelbagai benua meliputi 28 buah negara. Seterusnya Profesor Madya Dr Indirawati Zahid memberikan contohan pengajaran dan pembelajaran sinonim dalam bahasa Melayu. Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat, beliau mencadangkan guru perlu lebih kreatif dan menggalakkan para pelajar untuk mengakses kamus dalam talian Pusat Rujukan Persuratan Melayu bagi menambah nilai pembelajaran mereka. Profesor Madya Dr Dahlia Janan pula menjelaskan pendekatan pengajaran Bahasa Melayu kepada penutur asing yang menitikberatkan komunikasi dua hala. Sementara Profesor Madya Dr Norliza Jamaluddin menyentuh kepelbagaian pendekatan dalam pengajaran tatabahasa bahasa Melayu.

Makalah seterusnya merupakan kajian yang dijalankan oleh Guru Pakar. Kajian Dr Fadilah Isnin dan Mohamed Noh Daipi membincangkan pengajaran penulisan karangan berdasarkan gambar bersiri bagi menyokong guru melaksanakan PdP penulisan karangan yang lebih berkesan. Rahmat Subadah membincangkan pengayaan kosa kata pelajar peringkat menengah melalui aplikasi Bitara Kata. Kajian Muhamad Rafi Abu Bakar pula memberi fokus pada bacaan interaktif melalui aplikasi Lagenda Singapura manakala Siti Faridah Omar memberi tumpuan pada bacaan yang berkaitan dengan cerita asal usul di Singapura.

Semoga Dian Bahasa Jilid 2 ini akan menjadi rujukan para guru bagi meraih pengetahuan bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di bilik darjah.

Wassalam.